



SURAT SETUJU TERIMA

MPC.100-14/1/23

9 Mei 2022

UPM CONSULTANCY & SERVICES SDN BHD

Tingkat 1 Banquet Hall Universiti

Putra Malaysia

UPM Serdang Petaling

43400, Pekan Serdang

Selangor, Malaysia

(U/P: Encik Abdul Rahim Mohd Yusoff)

Tel: 03 8942 9148

Tuan,

TAWARAN LANTIKAN UNTUK PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUNDING BUKAN FIZIKAL SECARA LANTIKAN TERUS BERSERTA KOS SILING

Dengan ini dimaklumkan bahawa Perbadanan Produktiviti Malaysia telah bersetuju menerima tawaran lantikan terus berserta kos siling (LTBKS) syarikat tuan dengan harga sebanyak **Ringgit Malaysia Empat Ratus Dua Puluh Tiga Ribu Sembilan Ratus Empat Puluh Tiga dan Sembilan Puluh Tiga Sen sahaja (RM 423,943.93)** yang merupakan harga kontrak bagi tempoh kontrak selama 6 bulan tertakluk kepada dokumen LTBKS yang menjadi sebahagian daripada perolehan ini dan Surat Setuju Terima ini berserta dengan Lampiran A kepada Surat Setuju Terima iaitu maklumat terperinci kontrak (selepas ini disebut sebagai "Surat ini").

Nama Kajian	:	STUDY ON MEASURES AND STRATEGIES TO INCREASE LABOUR COMPENSATION
Kos Projek (Yuran Perunding & Kos Imbuhan Balik)	:	RM 423,943.93 (termasuk 6% SST)
i) Yuran Perunding Fasa 1 - <i>Inception Report</i> (10%)	:	RM 34,429.89
ii) Yuran Perunding Fasa 2 - <i>Interim Report</i> (20%)	:	RM 68,859.78
iii) Yuran Perunding Fasa 3 - <i>Draft Final Report</i> (30%)	:	RM 103,289.68

iv) Yuran Perunding Fasa 4 - <i>Final Report (40%)</i>	:	RM 137,719.57
v) Imbuan Balik	:	RM 79,645.01
Kaedah Perolehan	:	Lantikan Terus Berserta Kos Siling
Bidang Perunding	:	340103 - Kajian Ekonomi
Perjanjian Piawai yang digunakan	:	Form CSA2014 - Research
Skop Perkhidmatan	:	Lampiran 1 (<i>Terms of Reference</i>)
Tempoh Perkhidmatan	:	6 bulan (Mei 2022 – Oktober 2022)

2. Dengan pengakuan penerimaan Surat ini, suatu kontrak yang mengikat terbentuk antara Kerajaan dengan syarikat tuan. Satu dokumen kontrak hendaklah ditandatangani dengan kadar segera dengan memasukkan semua terma sebagaimana dokumen LTBKS serta semua terma dalam Lampiran A. Sehingga dokumen kontrak tersebut ditandatangani, Surat ini hendaklah terus mengikat kedua-dua pihak.

3. Harga kontrak adalah termasuk peruntukan Kerajaan sebanyak 6% cukai perkhidmatan memandangkan perkhidmatan ini dikenakan cukai dan syarikat tuan berdaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Pembayaran cukai perkhidmatan ini adalah dikira berdasarkan tuntutan sebenar dan tarikh kuat kuasa pendaftaran syarikat tuan dengan JKDM.

4. Adalah dimaklumkan bahawa tiada perkhidmatan boleh dibuat melainkan jika syarikat tuan telah mengemukakan kepada Kerajaan dokumen-dokumen berikut:

- a. jadual pelaksanaan perkhidmatan perunding yang muktamad; dan
- b. senarai nama kakitangan perunding yang terlibat dalam kajian ini berserta peranan masing-masing,

seperti yang ditetapkan dalam **Lampiran A** tidak melebihi 7 hari dari tarikh pengakuan penerimaan Surat ini oleh syarikat tuan. Apa-apa kegagalan dalam mematuhi kehendak di perenggan ini dalam tempoh masa yang ditetapkan, boleh mengakibatkan Surat ini terbatal dan Kerajaan tidaklah dengan apa-apa cara jua bertanggung terhadap syarikat tuan melainkan jika penepian bertulis diberikan oleh orang yang diberi kuasa, bagi perkhidmatan yang perlu dibuat dengan segera atau serta-merta apabila kelewatan itu akan memudarat dan menjejaskan perkhidmatan dan kepentingan awam.

5. Setelah arahan dikeluarkan oleh Kerajaan, syarikat tuan dikehendaki melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti perkhidmatan tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak Kerajaan. Sekiranya syarikat tuan gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh dan kualiti yang ditetapkan, Kerajaan berhak membatalkan arahan yang dikeluarkan dan mengenakan ***Liquidated & Ascertained Damages*** (LAD) seperti yang ditetapkan dalam **Lampiran A**. Kerajaan juga berhak menolak apa-apa *deliverables* sekiranya *deliverables* tersebut tidak memuaskan hati serta memenuhi kehendak Kerajaan dan dikemukakan semula selaras dengan dengan kualiti dan tempoh yang ditetapkan.

6. Syarikat tuan juga adalah diingatkan bahawa Kerajaan berhak untuk membatalkan Surat ini sekiranya:

- a. syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma di perenggan 4 dalam tempoh masa yang ditetapkan;
- b. syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma yang dinyatakan dalam Surat Akuan Perunding Berjaya;
- c. syarikat tuan telah membuat salah nyataan (*misrepresentation*) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan Kerajaan bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain, seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, mengemukakan dokumen lain yang palsu atau yang telah diubah suai;
- d. syarikat tuan membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat disalahgunakan oleh individu/syarikat lain;
- e. syarikat tuan terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses LTBKS sehingga dokumen kontrak ditandatangani;
- f. syarikat tuan telah memberikan subkontrak sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya perkhidmatan tanpa kelulusan Kerajaan terlebih dahulu;
- g. syarikat gagal menyempurnakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan seperti di Lampiran A;
- h. syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma/arahan di dalam dokumen LTBKS;
- i. syarikat tuan/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah telah disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia;
- j. syarikat tuan digulungkan;

- k. syarikat gagal mematuhi skop perkhidmatan yang ditetapkan dan/atau *Service Level Agreement*;
- l. syarikat tuan tidak mendapat kelulusan daripada Kerajaan terlebih dahulu bagi apa-apa penjualan atau pemindahan ekuiti sepanjang tempoh kontrak ini berkuat kuasa; atau
- m. terdapat perkara yang melibatkan kepentingan awam atau keselamatan dan kepentingan negara.

7. Sekiranya Surat ini dibatalkan atas alasan seperti yang ditetapkan di perenggan 6, Kerajaan tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian syarikat tuan termasuk kerugian masa hadapan.

8. Bersama-sama Surat Akuan Perunding Berjaya dan Surat Akuan Sumpah Syarikat seperti di Lampiran B dan Lampiran C untuk ditandatangani oleh syarikat tuan dan dikembalikan bersama-sama dengan Surat ini.

9. Surat ini dihantar kepada syarikat tuan dalam tiga (3) salinan. Sila kembalikan ke pejabat ini salinan asal dan kedua berserta lampiran yang berkaitan yang telah ditandatangani dengan sempurna oleh syarikat tuan dan saksi syarikat tuan tidak melebihi 7 hari dari tarikh Surat ini diterima untuk tindakan kami selanjutnya. Apa-apa kegagalan dalam mematuhi kehendak di perenggan ini dalam tempoh masa yang ditetapkan boleh mengakibatkan Surat ini terbatal dan Kerajaan tidaklah dengan apa-apa jua bertanggungjawab terhadap syarikat tuan.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' ABDUL LATIF HAJI ABU SEMAN)

Ketua Pengarah

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

1. Pendaftaran Syarikat Dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Atau Pendaftaran Koperasi Dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) (jika berkaitan)

1.1 No. Pendaftaran : 200701030594(788620-m)

1.2 Tempoh Sah Laku :

2. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan (jika berdaftar)

2.1 No. Pendaftaran : 465-02032293

2.2 Tempoh Sah Laku : 6/8/2020 - 5/8/2023

2.3 Kod Bidang : 340103

2.4 Taraf Syarikat :

2.5 Tempoh Sah Laku Taraf Bumiputera :

3. Harga dan Tempoh Kontrak

3.1 Harga Kontrak : RM 423,943.93

3.2 Tempoh Kontrak : 6 bulan

3.3 Tarikh Mula Kontrak : Mei 2022

3.4 Tarikh Tamat Kontrak : Oktober 2022.

4. Tempoh dan Jadual Penyempurnaan Perkhidmatan

*Senarai item, kuantiti, jenis perkhidmatan dan/atau tempoh serta jadual penyempurnaan perkhidmatan yang ditetapkan seperti di **Lampiran A2**

*Lampiran A2 (Jadual spesifikasi dalam dokumen Sebutharga) adalah untuk menyatakan tempoh atau jadual pembekalan mengikut tawaran syarikat – untuk tindakan MPC

5. Bon Pelaksanaan

(*diisi oleh pihak MPC)

5.1 Kadar Bon Pelaksanaan :

5.2 Formula Bon Pelaksanaan :

5.3 Nilai Bon Pelaksanaan :

**PENGAKUAN PENERIMAAN SURAT SETUJU TERIMA DAN LAMPIRAN
YANG BERKAITAN OLEH SYARIKAT**

Dengan ini disahkan bahawa yang bertandatangan di bawah ini mengakui penerimaan Surat ini dan lampiran yang berkaitan yang rujukannya ialah MPC.100-14/1/23 bertarikh 9/5/2022 dan bersetuju dengan terma dan syarat yang terkandung dalam Surat ini tanpa syarat yang mana salinan kepada Surat ini telah disimpan, dan selanjutnya disahkan bahawa tiada apa-apa terma, syarat atau stipulasi tambahan kepada yang terkandung Surat ini telah dikenakan.


PROF. DR. AZLIZAM BIN AZIZ
General Manager
UPM Consultancy & Services Sdn Bhd
Tandatangan Perunding

Nama Penuh: 700424085181
No. Kad Pengenalan:

Alamat:
UPM CONSULTANCY & SERVICES SDN BHD
200701030594 (788620-M)
BLOCK F2, UPM-MTDC TECHNOLOGY CENTRE
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
43400 SERDANG
SELANGOR

Tarikh: 13/5/2022

Meterai atau Cop Perunding

Tarikh: 13/5/2022




ABDUL RAHIM MOHD YUSOFF
MANAGER
UPM Consultancy & Services Sdn Bhd
Tandatangan Saksi

Nama Penuh:
No. Kad Pengenalan: 850520086313

Alamat:
UPM CONSULTANCY & SERVICES SDN BHD
200701030594 (788620-M)
BLOCK F2, UPM-MTDC TECHNOLOGY CENTRE
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
43400 SERDANG
SELANGOR

Tarikh: 13/5/2022

*potong mana yang tidak berkenaan


SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA
STUDY ON MEASURES AND STRATEGIES TO INCREASE LABOUR
COMPENSATION

Saya, Azizam Aziz nombor K.P. 700424085181 yang mewakili
UPM Consultancy & Services Sdn Bhd (nama syarikat) nombor pendaftaran
(*MOF/CIDB/SSM) 788620-M dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau
mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi
rasuah kepada mana-mana individu dalam MPC
atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran untuk dipilih dalam sebut harga seperti di
atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti
tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati
bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam
.....(nama kementerian/agensi) MPC atau mana-mana individu lain
sebagai ganjaran mendapatkan sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil
syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi sebut harga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi sebut harga di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripadasaya
atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran
mendapatkan sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera
melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah
Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar, 
PROF. DR. AZIZAM BIN AZIZ
General Manager
UPM Consultancy & Services Sdn Bhd

(Nama dan No. KP) Cop Syarikat :

700424085181



Catatan:

- i) * Potong mana yang tidak berkenaan
- ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

SURAT AKUAN SUMPAN SYARIKAT

Saya Azizam Bin Aziz nombor kad pengenalan 700424085181 yang mewakili syarikat UPM Consultancy & Services Sdn Bhd nombor pendaftaran 788620 M (*MOF/CIDB/SSM) dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (a) syarikat **TIDAK** membuat salah nyataan (*misrepresentation*) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan Kerajaan bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain, seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, mengemukakan bon pelaksanaan atau dokumen lain yang palsu atau yang telah diubah suai;
- (b) syarikat **TIDAK** membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat disalah gunakan oleh individu/syarikat lain;
- (c) syarikat **TIDAK** terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses sebut harga sehingga dokumen kontrak ditandatangani;
- (d) syarikat/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah **TIDAK** disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia; dan
- (e) syarikat **TIDAK** digulungkan.

Sekiranya pada bila-bila masa, dibuktikan bahawa pengisytiharan perenggan diatas adalah tidak benar, Kerajaan berhak menarik balik tawaran kontrak atau menamatkan perkhidmatan syarikat bagi projek ini.

Dan saya membuat Surat Akuan Bersumpah ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut didalamnya adalah benar serta menurut Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan)
sebenar-benarnya diakui oleh)
Tandatangan.....)
Mt Azizam Bin Aziz)
di W.P Putrajaya)
pada 13 MAY 2022)

Di hadapan saya,

[Signature]
Pesuruhjaya Sumpah
Suite 49B, Jalan Diplomatik
Diplomatic Enclave, Presint Diplomatik
62050 PUTRAJAYA



Catatan:

- i. *Potong mana yang tidak berkenaan
- ii. Surat akuan ini hendaklah ditandatangani oleh hanya penama di sijil pendaftaran MOF/CIDB.